

## MENANGANI ISU – ISU SENSITIF BERKAITAN, AGAMA, BANGSA DAN INSTITUSI RAJA (3R) DALAM POLITIK MELALUI PENDEKATAN UNDANG-UNDANG: SUATU PENILAIAN SEMULA

Rositah Kambol\*  
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
rositah@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 25 October 2023*

*Accepted Date: 25 November 2023*

*Published Date: 30 December 2023*

---

### ABSTRAK

3R berkisar tentang isu agama, bangsa dan Institusi Raja. Istilah ini dibentuk dengan mengambil huruf awalan daripada perkataan bahasa Inggeris *religion*, *race* dan *royalty*. Perkara yang bersangkutan paut dengan agama, bangsa dan Institusi Raja (3R) adalah hal yang sangat dekat dengan rakyat dan sentiasa mendapat perhatian ramai. Baru-baru ini kita dihujani dengan pelbagai isu sensitif berkaitan 3R yang dibawakan oleh beberapa pihak tertentu bagi maksud mencapai tujuan politik mereka. Orang ramai telah menyarankan supaya peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi menangani isu ini dengan mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pihak-pihak yang menyalahgunakan isu-isu sensitif berkaitan 3R. Tindakan ini perlu bagi memelihara keharmonian perpaduan kaum, hak kebebasan bersuara dan beragama serta menjaga keistimewaan bangsa Melayu dan Institusi Raja sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Beberapa perundangan seperti Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta beberapa statut yang lain telah digubal bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan 3R ini. Namun begitu, beberapa insiden telah berlaku kebelakangan ini dengan melihat kepada senario politik negara terutama pada setiap kali menjelang pilihanraya seolah-olah menggambarkan bahawa peruntukan undang-undang sedia ada tidak mencukupi dan kurang berjaya menangani isu 3R dengan baik dan sempurna. Dalam penulisan ini penulis akan mengetengahkan beberapa isu sensitif berkaitan 3R dan menganalisa peruntukan undang-undang yang sedia ada. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis peruntukan dan dokumen-dokumen perundangan yang relevan seperti artikel, jurnal, laporan-laporan kajian lepas dan laporan dari media sosial yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa peruntukan undang-undang sedia ada perlu dikaji semula dan ditambahbaik bagi menangani isu 3R ini. Di akhir kajian, penulis mengutarakan beberapa cadangan penambahbaikan yang sesuai yang boleh diambil bagi menangani isu yang timbul berkaitan 3 R ini.

**Kata Kunci:** Isu Agama, Bangsa dan Institusi Raja (3R), Politik, Perpaduan Kaum, Kebebasan Bersuara, Kebebasan Beragama, Keistimewaan Melayu, Keistimewaan Raja-raja, Perlembagaan Persekutuan



***DEALING WITH SENSITIVE ISSUES RELATED TO RELIGION, RACE AND ROYAL INSTITUTION (3R) IN POLITICS THROUGH A LEGAL APPROACH: A RE-ASSESSMENT***

***ABSTRACT***

*3R revolves around issues of religion, race and the royal institution. This term is formed by taking the prefix from the English words Religion, Race and Royaty. Matters related to religion, race and the royal institution (3R) are matters that are very close to the people and always get a lot of attention. Recently, we have been bombarded with various sensitive issues related to 3R brought up by certain parties in order to achieve their political goals. The public has suggested that existing legal provisions be reviewed to deal with these issues by imposing appropriate action against parties who abuse issues related to the 3R's. This action is necessary to preserve the racial unity, the right to freedom of speech and religion and the Malay and Royal privileges as stated in The Constitution. Some legislations such as, The Defamation Act 1957, The Sedition Act 1948, The Penal Code, The Printing Press and Publication Act 1984, The Communications and Multimedia Act 1998 and several other statutes, have been enacted to deal with these issues. However, several incidents that have occurred recently, looking at the national political scenario, seem to illustrate that the existing legal provisions are insufficient and less successful in dealing with the 3 R issues well and perfectly. In this writing, the writer will highlight some sensitive issues related to 3R and analyze the provisions under the existing legal provisions related to the 3 R issues. The methodology used in this study is a qualitative study by analyzing relevant legal provisions and documents, articles, journals, related previous studies and reports from social media. The results of the study found that the existing legal provisions are insufficient and need to be reviewed and improved to deal with the 3R issues. At the end of the study, the author put forward some suggestions for appropriate improvements that can be taken into consideration to deal with the issues pertaining to 3R.*

***Keywords:*** *Issues of Religion, Race and Royal Institution (3R), Politics, Racial Unity, Freedom of Speech, Freedom of Religion, The Malay Privileges, The Royal Privileges, The Federal Constitution.*

**PENDAHULUAN**

Malaysia adalah sebuah negara yang unik terdiri dari berbilang bangsa dan keturunan, memiliki pelbagai parti politik serta pengamalan agama yang bermacam-macam, pelbagai bahasa, budaya dan adat resam, dengan bermacam jenis latarbelakang masyarakatnya. Dalam konteks negara bermasyarakat majmuk ini sememangnya konflik sukar dielakkan lebih-lebih lagi dalam pengamalan politik kepartian berdasarkan kaum yang wujud di Malaysia ketika ini. Sebagai contoh kaum Melayu dengan parti UMNO dan kaum cina dengan parti DAP. Dalam hal politik,

terdapat tiga (3) faktor yang sering menjadi faktor provokasi ialah faktor yang bersangkutan paut dengan agama, bangsa dan Institusi Raja (3R) yang tidak boleh dipandang remeh kerana berisiko untuk mencetuskan kesan negatif di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Namun begitu, undang-undang dan peraturan wujud bagi mengelakkan kesan konflik yang negatif seperti permusuhan, kebencian, stereotaip negatif, pergaduhan dan keganasan (Mohd Anuar et al., 2012) di samping memelihara dan memastikan perpaduan dan keadilan dapat dilaksanakan. Malaysia telah menjadikan lima (5) prinsip Rukun Negara sebagai asas utama bagi merealisasikan hasrat pembentukan Bangsa Malaysia yang maju, berdaya saing dan berprestasi tinggi. Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang utama Negara Malaysia juga telah menetapkan beberapa titik kesamaan bahawa rakyat Malaysia memiliki satu agama Persekutuan iaitu agama Islam di samping pengamalan agama yang lain dibenarkan dan juga mempunyai seorang Ketua Negara iaitu Yang Di Pertuan Agong yang memiliki keistimewaannya menjadi simbol penyatuan dan perpaduan.

Di samping itu juga juga, bangsa Melayu dan Bumiputera diiktiraf sebagai bangsa asal yang memiliki beberapa keistimewaan daripada bangsa-bangsa yang lain. Setiap individu warganegara mempunyai hak dan kebebasan. Hak-hak dan keistimewaan ini perlulah dipelihara dengan memastikan isu-isu sensitif berkaitan 3R ditangani dengan sebaik mungkin melalui peraturan dan undang-undang sedia ada. Namun hasil kajian mendapati bahawa peruntukan undang-undang sedia ada perlu dikaji semula serta ditambahbaik bagi menangani isu 3R ini.

### **ISU-ISU SENSITIF BERKAITAN AGAMA, BANGSA DAN INSTITUSI DIRAJA (3R)**

Menurut kajian yang dibuat oleh Mohd Anuar Ramli dan lain lain, terdapat tiga (3) isu sensitif utama yang wujud dalam masyarakat majmuk Malaysia pasca Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14) iaitu status Islam sebagai agama rasmi persekutuan, mencabar hak keistimewaan Melayu dalam perlembagaan dan mempersoalkan kedudukan institusi beraja. (Mohd Anuar. et al., 2018). Isu isu yang dinyatakan tersebut adalah isu-isu yang dikenali sebagai isu agama, bangsa dan Institusi Raja (*Religion, Race and Royal Institution*), singkatannya ialah 3R. Ketiga-tiga isu ini sering menjadi agenda utama golongan-golongan tertentu terutamanya ahli-ahli politik yang sekiranya tidak ditangani dengan baik, boleh menjejaskan perpaduan nasional. (R. M. Ramly. et. al., 2021).

#### ***Agama (Religion) dan isu sensitif***

Kehidupan beragama adalah merupakan jati diri utama semua rakyat Malaysia. Negara Malaysia memegang prinsip bahawa semua warganyanya perlu berpegang kepada kehidupan beragama dengan menjadikan Kepercayaan kepada Tuhan sebagai prinsip pertama kepada Rukun Negara (Rukun Negara Malaysia, 2008). Menurut prinsip ini semua warganegara Malaysia mesti mempunyai kepercayaan kepada tuhan mengikut agama yang mereka anuti. Rakyat bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing dan dalam masa yang sama mereka juga perlu menghormati ajaran agama yang lain dan dilarang menghina agama-agama tersebut.

Menurut Kamus Bahasa Melayu, perkataan hina adalah sinonim dengan perkataan keji, tercemar, tercela, kotor dan buruk (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Dalam Bahasa Arab penghinaan agama dirujuk sebagai *al-istihzā' bi al-dīn* iaitu perbuatan mengejek dan mencemuh agama.

Menurut Ibn Manzūr lafaz *istihzā'* (kata asal *huzū'*) bermaksud *sukhriyyah* iaitu ejekan atau cemuhan (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Penghinaan terhadap agama bolehlah difahami sebagai sebarang bentuk perbuatan samada ucapan, tulisan atau sebarang tindak tanduk yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau membangkitkan perasaan permusuhan, kebencian dan prejudis berkaitan dengan agama antara individu atau kumpulan daripada agama yang sama atau berbeza (Hashim, et. al., 2021).

Jika dilihat senario politik negara Malaysia hari ini, isu-isu berkaitan agama di anggap sensitif dalam masyarakat multi agama. Sebarang bentuk penghinaan dan penindasan terhadap agama diklasifikasikan sebagai tindakan yang menjejaskan kesucian agama serta mampu mengeruhkan hubungan antara agama. (Siti Khadijah & Fazli, 2017). Di Malaysia, isu penghinaan terhadap agama Islam sering berlaku dibandingkan dengan penghinaan terhadap agama lain. Ini mungkin berlaku kerana agama Islam telah menjadi agama rasmi Persekutuan dan dianuti oleh lebih daripada separuh populasi penduduk di negara ini. Ianya sering dibawakan oleh ahli-ahli dan parti politik bagi meraih undi untuk memenangi pilihanraya. Terdapat sesetengah ahli politik dari pelbagai parti politik memainkan isu agama bagi meraih sokongan dan memancing undi. (Zuliyus & Pitchan, 2020). Keadaan menjadi semakin tidak terkawal bilamana media sosial, juga telah digunakan untuk menyampaikan informasi yang boleh merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam. (Muhammad Faisal Ashaari, et. al., 2015). Kes-kes penghinaan terhadap agama Islam menurut undang-undang boleh dikategorikan sebagai kes-kes memfitnah dan menghasut.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS, 2022), telah menyenaraikan beberapa perbuatan yang boleh dianggap sebagai menghina agama Islam yang antara lain termasuklah mencerca Allah SWT, menghina Nabi Muhammad SAW dan mempersenda Al-Quran, mempersenda dan meremeh hukum agama, menghina Sunnah Nabi Muhammad SAW, enggan melaksanakan hukum Allah SWT, menghina ajaran Islam yang bersifat qat'ie dan mempermain-mainkan syiar Islam. Beberapa kes dalam perenggan berikut membincangkan berkaitan perbuatan menghina agama Islam oleh ahli politik di Malaysia yang dilaporkan oleh media sosial.

#### 1) Kes Pertama: Polis siasat Guan Eng (Nur Azizah Mukhtar, 2023)

Berita Harian yang bertarikh Julai 9, 2023, melaporkan bahawa Bukit Aman mengesahkan sedang menjalankan siasatan terhadap Pengerusi DAP, Lim Guan Eng berhubung kenyataannya yang menyentuh isu 3R (agama, raja dan kaum), hari ini. Timbalan Pengarah (Forensik/Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk G S Suresh Kumar, berkata siasatan dijalankan selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima beberapa laporan polis berkait perkara itu.

Beliau berkata, laporan polis yang diterima itu berkaitan kenyataan Guan Eng yang dipercayai menyentuh isu 3R dengan mendakwa 'gelombang hijau' bakal memusnahkan tokong dan menafikan hak agama di Pulau Pinang. Kenyataan itu dipercayai diucapkan beliau semasa berucap dalam program 'Tian Fu Gong Bai Long Wang Singapore - Malaysia Tour 2023' di Tokong Batu, Jelutong, Pulau Pinang pada 7 Julai lalu.

- 2) Kes Kedua: Fitnah ceramah politik di masjid: Fahmi saman Papagomo, Ahmad Dusuki, Mohd Fauzan (Bernama, 2023)

Berita Bernama bertarikh 7hb September 2023 melaporkan, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil memfailkan saman terhadap tiga individu termasuk blogger Wan Muhammad Azri Wan Deris, atau lebih dikenali sebagai "Papagomo" atas dakwaan memfitnah kononnya beliau memberikan ceramah politik di sebuah masjid di Rawang, Selangor.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu selaku plaintif turut menyaman penceramah bebas Ahmad Dusuki Abd Rani serta pemilik dan pemilik akaun Facebook 'N13 Kuang', Mohd Fauzan Madzlan selaku defendan. Peguam Asheeq Ali Sethi Alivi, yang mewakili Fahmi memberitahu Bernama, ketiga-tiga saman itu difailkan secara berasingan pada 5 September lalu di Mahkamah Tinggi di sini menerusi Tetuan Asheeq Ali & Company. Berdasarkan pernyataan tuntutan, Fahmi mendakwa ketiga-tiga defendan telah menyiarkan kata-kata fitnah yang mendakwa plaintif menyalahgunakan tempat beribadah iaitu masjid bagi tujuan kempen pilihan raya dan bertindak bertentangan dengan titah dan perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dakwa plaintif, kata-kata fitnah itu disiarkan di akaun TikTok dan Facebook Wan Muhammad Azri pada 1 Ogos, manakala di akaun Facebook milik Mohd Fauzan serta akaun Facebook dan Instagram milik Ahmad Dusuki pada 31 Julai lalu.

### **Bangsa (*Race*) dan isu sensitif**

Malaysia ialah sebuah negara berbilang bangsa yang hidup dalam keadaan aman dan damai. Tiga bangsa yang utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Bangsa Melayu adalah merupakan bangsa terbesar dengan membentuk hampir lebih separuh daripada penduduk Malaysia. Bangsa Melayu adalah sinonim sebagai bangsa yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat resam budaya Melayu. Perlembagaan Persekutuan telah mengiktiraf keitimewaan bangsa Melayu melalui suatu kontrak sosial yang menstrukturkan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai latarbelakang budaya dan etnik (Shamrahayu, 2018). Menurut kontrak sosial ini, terdapat kesepakatan yang dibuat secara sukarela antara kaum dan dianggap mengikat untuk generasi seterusnya bahawa atas kesanggupan masyarakat bukan Melayu menerima empat unsur tradisi Melayu (iaitu agama Islam, Bahasa Melayu, Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu), maka sebagai balasan, orang Cina dan orang India diiktiraf menjadi warganegara berdasarkan prinsip *jus soli*. Dalam erti kata lain, bangsa bukan Melayu mendapat hak kerakyatan hasil tukaran kepada pengakuan mereka kepada hak ketuanan Melayu. Menurut Amri (2021), jaminan berkaitan ketuanan Melayu ini dinyatakan melalui enam(6) Fasal dalam Perlembagaan Persekutuan dan satu (1) Seksyen dalam Akta Angkatan Bersenjata Malaysia 1972 juga menerusi tujuh (7) Wasiat Raja-raja Melayu sepertimana yang berikut:

- i) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung, Persekutuan Tanah Melayu (Fasal 1 Konstitusi);
- ii) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50%, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain (Fasal 89

Konstitusi );

- iii) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami telah tubuhkan Rejimen Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara (Seksyen 16 (1) Akta Angkatan Bersenjata 1972);
- iv) Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan Raja-Raja Melayu memerintah negara ini (Fasal 32 Konstitusi);
- v) Kami isytiharkan Islam ialah Agama Persekutuan (Fasal 3 Konstitusi); 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu (Fasal 152 Konstitusi); dan
- vi) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-raja Melayu untuk melindungi Kedudukan Keistimewaan Orang Melayu dan Kepentingan Sah Kaumkaum Lain (Fasal 153 Konstitusi).

Meskipun orang-orang Melayu dan kaum bumiputera diberikan keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak tertentu melalui undang-undang berbanding dengan kaum-kaum yang lain, kaum yang lain juga diberikan hak untuk turut sama hidup dengan aman damai di Malaysia. Seharunya setiap pihak perlu mematuhi dan menghormati kontrak sosial yang dipersetujui bersama dahulu dengan mengelakkan pelbagai polemik yang boleh mempertikaikan hak-hak kaum tertentu. Namun begitu, akhir-akhir ini hak ketuanan Melayu telah dicabar dan menjadi sebahagian daripada isu politik (Amri, 2021). Ini jelas dapat dilihat dalam kajian yang dibuat oleh (Norazah, et.al., 2021) yang telah menyenaraikan beberapa isu survival orang Melayu dalam pasca Pasca Pilihan Raya Umum 2008 , dan juga kajian yang dibuat oleh (Mohd Anuar Ramli , et.al., 2018) yang telah menyenaraikan isu-isu ketuanan Melayu sebagai isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia pasca pilihanraya umum (PRU14).

Manakala menurut satu kajian yang dibuat, telah memperlihatkan bahawa Pilihan Raya Umum kali ke-15 (PRU15) yang lalu, kefanatikan rakyat Malaysia terhadap parti politik yang mereka sokong yang sebahagiannya telah tanpa bertanggungjawab menaikkan api kemarahan bangsa dengan menyentuh sentimen perkauman dan agama di media sosial. (Muhammad Syaher, et.al. 2022).

Sekiranya isu-isu perkauman ini tidak dibendung, perpaduan rakyat sukar untuk dicapai. Akibatnya, aspirasi Transformasi Nasional (TN50), satu inisiatif pembangunan negara berjangka panjang merangkumi tahun 2020 hingga 2050 menjadi sukar dan yang paling ditakuti pergaduhan kaum sepertimana yang pernah dialami pada 13 Mei 1969 mungkin berulang kembali. Dengan sebab itu kenyataan-kenyataan yang tidak benar, berunsur negatif yang bersifat memprovokasi, memfitnah dan menghasut masyarat perlulah dihentikan dan pihak yang melakukannya perlulah dikenakan tindakan yang tegas. Beberapa kes dalam perenggan berikut membincangkan berkaitan laporan-laporan media sosial berkaitan isu-isu perkauman yang dibangkitkan setiap kali menjelang pilihanraya, iaitu:

1) Kes Pertama: Isu 3R: Polis sahkan sedang siasat Abdul Hadi (Siti Hafidah, 2023)

Ismaweb bertarikh 10 Julai 2023 melaporkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan sedang menjalankan siasatan ke atas Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang berhubung kenyataannya yang dipercayai menyentuh isu 3R (agama, raja dan kaum).

Abdul Hadi mendakwa bahawa DAP mahu mengekalkan pengertian Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan berdasarkan tafsiran penjajah yang menjunjung liberalisme dan kebebasan yang diamalkan negara Barat. Kenyataan itu dipercayai dilakukan melalui hantaran *Facebook* Abdul Hadi pada Sabtu lalu dan turut diulas dalam artikel yang diterbitkan portal berita New Straits Times pada tarikh 8 Julai 2023.

Timbalan Pengarah (Forensik/Perancangan Strategik) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Suresh Kumar G Suppiah berkata, siasatan dilakukan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

2) Kes Keempat: Sepanduk ‘Ini tanah Melayu’: Wan Saiful nafi PN dalang bahan kempen berbau perkauman, provokasi (Mohd Fadli Mohd Sulaiman, 2023)

Utusan Malaysia bertarikh 11 Ogos 2023 melaporkan bahawa pemimpin parti komponen Perikatan Nasional (PN) menafikan bahawa gabungan politik pembangkang itu mempunyai kaitan dengan bahan kempen pilihan raya negeri berbau perkauman. Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, sepanduk berunsur provokasi itu telah dinaikkan oleh pihak tidak bertanggungjawab dengan niat menggambarkan PN adalah dalang di sebalik pemasangan sepanduk berkenaan.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu mengutuk sekeras-kerasnya kempen kotor itu di beberapa lokasi termasuk di DUN Balakong, Kajang dan Sungai Ramal dalam Parlimen Bangi. “Taktik kotor ini menunjukkan betapa pihak musuh semakin terdesak sehingga sanggup memainkan sentimen perkauman untuk matlamat politik. Taktik kotor ini bukan cara kami.” “Kami langsung tidak terlibat, malah kami giat berkempen secara sihat dan harmoni.” “Saya harap rakyat boleh menilai dengan rasional tindakan musuh politik yang terdesak mahu memburukkan PN.”

Terdahulu, tular dalam media sosial beberapa keping gambar sepanduk memaparkan warna dan logo yang menyerupai PN dan PAS dengan kenyataan bertulis berbentuk provokasi serta perkauman. Antara tulisan dalam sepanduk berkenaan antaranya berbunyi: ‘Ini tanah Melayu, ini tanah kita, bukan Melayu hanya menumpang’. Selain itu, terdapat sepanduk memaparkan kenyataan didakwa daripada PN berbunyi: ‘Orang muda akan sesat dan rosak jika undi Kerajaan Perpaduan.’



### **Institusi Raja (*Royalty*) dan Isu Sensitif**

Malaysia adalah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan “Raja Berperlembagaan” di mana institusi raja di anggap memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran, menjadi payung Negara untuk menaungi seluruh warga rakyat dan kepercayaan agama. Kedudukan istimewa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara telah dinyatakan dalam Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan. Bahkan signifikannya kewujudan institusi raja ini dinyatakan dalam satu kajian yang menyatakan bahawa hampir sepuluh peratus (10%) atau 19 dari 183 Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah perkara-perkara berkaitan Raja, yang berperanan penting dalam struktur Kerajaan dan struktur Negara bangsa (Raja Nazrin Shah, 2013).

Prinsip Rukun Negara yang Kedua menyebut Kesetiaan kepada Raja dan Negara menjadi salah satu nilai penting bagi mewujudkan keharmonian, keselamatan, dan kemajuan Negara. Nilai kesetiaan tersebut menjadikan semua warganegara bertanggungjawab menghormati institusi Raja dan mempertahankan serta melindunginya. Namun institusi raja kini berdepan dengan cabaran dunia modern lebih-lebih lagi di alam tanpa sempadan. Wujud golongan – golongan tertentu terutamanya ahli politik yang tidak memahami sejarah dan kepentingan institusi ini sehingga menyebabkan timbul rasa tidak hormat sehingga sanggup memperlekehkan dan menghina institusi ini. Lebih membimbangkan ianya boleh menjadi suatu ancaman dan boleh mewujudkan budaya negatif dalam kalangan generasi masa kini apabila kedudukan Raja-Raja Melayu turut diheret dalam kancah politik sehingga terpaksa membawa kepada campur tangan pihak berkuasa. (Syahira Omar, et.al, 2017).

Kesilapan dalam menafsirkan hak kebebasan bersuara, mengeluarkan pendapat dan penggunaan bahasa yang keterlaluan terhadap pihak lain terutamanya yang melibatkan Yang di Pertuan Agong dan institusi diraja, boleh menyebabkan tindakan undang-undang dikenakan atas kesalahan memfitnah, menghasut, mengancam keselamatan negara dan sebagainya. Beberapa kes dalam perenggan berikut membincangkan berkaitan isu penghinaan terhadap raja di media sosial oleh golongan ahli politik:

- 1) Kes Kelima: Kenyataan Sanusi berkaitan Sultan Selangor disifatkan melampau (Mohd Nasaruddin Pardy, 2023)

Berita Harian online bertarikh 13 Julai 2023 melaporkan bahawa kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang didakwa memperlekeh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung pelantikan Datuk Seri Amirudin Shari sebagai Menteri Besar Selangor disifatkan melampau dan biadap.

Pengarah Komunikasi Wanita PKR, Norani Nordin berkata, dengan kenyataan sedemikian, Sanusi secara sendirinya sudah menyentuh isu berkaitan 3R dalam ceramah politiknya. Dalam ceramah politik baru-baru ini, Sanusi yang juga Pengarah Pilihanraya Perikatan Nasional (PN) didakwa memperlekeh pelantikan Amirudin sebagai Menteri Besar oleh Sultan Selangor pada 2018, selepas menyifatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua itu sebagai pemimpin 'cokia'.

**2) Kes Kedua: Tun M disiasat kes kenyataan berunsur hina institusi diraja - Bukit Aman (Nor Azizah Mokhtar, 2023)**

Berita Harian online bertarikh 29 Ogos 2023 melaporkan Bukit Aman mengesahkan polis sedang menjalankan siasatan ke atas Tun Dr Mahathir Mohamad berkaitan kenyataan berunsur penghinaan terhadap institusi diraja. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata bekas Perdana Menteri itu dirakam keterangan bagi membantu siasatan, hari ini.

"Siasatan dijalankan ke atas Dr Mahathir berhubung kenyataan beliau yang berkecenderungan menghasut bagi mendatangkan penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap institusi diraja, yang disiarkan sebuah portal berita pada 6 Jun lalu. "Kes disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT), Bahagian D5, JSJ Bukit Aman, mengikut Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948 serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

**UNDANG-UNDANG UNTUK MENANGANI ISU-ISU SENSITIF BERKAITAN 3R**

Undang-undang yang relevan bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan 3 R ini adalah undang-undang yang ada kaitan dengan usaha untuk mengekang perbuatan memfitnah, menghasut, menghina dan menyalahguna media sosial untuk tujuan yang tidak sepatutnya terutama isu-isu sensitif berkaitan 3R yang boleh mengancam keharmonian Negara. Undang-undang tersebut terangkum dalam statut-staut sepertimana yang berikut;

**i) Perlembagaan Persekutuan**

Di bawah perlembagaan Persekutuan, undang-undang utama negara, peruntukan berkaitan Agama Islam, keistimewaan bangsa Melayu dan Institusi Raja disebut melalui beberapa peruntukan berikut ;

- a. Perkara 3 (1), memperakui bahawa agama Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan
- b. Perkara 8, mengiktiraf kesamarataan dan tidak boleh ada diskriminasi atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina .... kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini
- c. Perkara 11, mengiktiraf hak warganegara untuk menganuti dan mengamalkan agamanya tertakluk kepada Fasal 4. Undang-undang Negeri, dan undangundang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.
- d. Perkara 12, melarang sebarang diskriminasi terhadap mana-mana warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir dalam beberapa perkara. Larangan juga dikenakan kepada mana-mana pihak untuk memaksa menerima ajaran sesuatu agama

atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara sembahyang sesuatu agama melainkan dari agamanya. Bagi tujuan itu, telah ditetapkan agama bagi seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah menurut agama ibu atau bapanya atau penjaganya.

- e. Perkara 121 (1A) , menjelaskan bidangkuasa eksklusif Mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes-kes . Pindaan baru yang dibuat ke atas Perkara 121 dengan penambahan perkara kecil (1A) dibuat untuk mengeluarkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi terhadap perkara yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.
- f. Perkara 160 (2), mendefinikan maksud Melayu dalam perlembagaan sebagai beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan (a) lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Persekutuan atau Singapura atau ialah zuriat seseorang yang sedemikian.
- g. Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan, menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Tertinggi yang kedudukannya mengatasi semua orang lain di Persekutuan Malaysia dan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah kecuali di Mahkamah Khas diwujudkan mengikut Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan.
- h. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan menyatakan Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) dan melindungi hak kaum lain
- i. Perkara 159 (5) Perlembagaan Persekutuan, menyebut sebarang pindaan yang melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Bahasa Melayu dan agama Islam perlu mendapat sokongan dua pertiga setiap dewan dan perkenan Majlis Raja-Raja

Perlembagaan Persekutuan melalui beberapa Perkara-perkara yang dinyatakan di atas jelas mengiktiraf ketertinggian agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan serta keistimewaan bangsa Melayu sebagai bangsa asal dan keistimewaan Yang Dipertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan. Dengan demikian sebarang perbuatan dan tindak tanduk yang menghina ketiga-tiga perkara ini boleh dianggap telah melkukan satu kesalahan yang berat.

## **ii) Akta Fitnah 1957**

Akta ini digubal sebelum merdeka khusus untuk menangani kesalahan memfitnah di bawah undang-undang sivil. Menurut undang-undang, fitnah merujuk kepada kenyataan secara lisan atau bertulis yang mengakibatkan reputasi seseorang itu di jatuh di mata masyarakat atau dipandang hina. Jika terbukti bahawa fitnah wujud maka pihak mangsa boleh menuntut di bawah undang-undang sivil bayaran ganti rugi kecuali wujud pembelaan-pembelaan yang diiktiraf oleh undang-undang.

Menjadi suatu fitnah bilamana seseorang menghebahkan atau menerbitkan sesuatu pernyataan secara tulisan dan pernyataan yang palsu dan menjatuhkan maruah seseorang tanpa sebab yang dimaafkan di sisi undang-undang (Aziz, 2008). Menurut kes Mohamed Apandi lwn Lim Kit Siang (2022) 5 MLRH 611, Mohamed Apandi telah menyaman Lim kerana didakwa

memfitnahnya dalam artikel mengenai skandal 1 Malaysia Development Bhd (1MDB). Dalam samannya yang difailkan pada 5 Julai 2019, Mohamed Apandi mendakwa bahawa pada 6 Mei 2019, Lim telah menulis dan menyebabkan diterbitkan artikel bertajuk "Dangerous fallacy to think Malaysia's on the road to integrity" dalam Malaysiakini. Walaubagaimanapun defendan telah berjaya membawakan pembelaan bahawa kenyataan beliau adalah komen yang adil dan tidak di anggap sebagai fitnah.

Kesalahan menghina agama Islam, bangsa dan juga raja boleh tergolong dalam kesalahan memfitnah jika didapati kenyataan tersebut adalah suatu pernyataan yang palsu dan boleh merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam. Jika berjaya dibuktikan bahawa telah wujud satu pernyataan yang memfitnah maka pihak yang difitnah boleh menuntut ganti rugi.

### **iii) Akta Hasutan 1948**

Akta Hasutan ini adalah akta yang digubal sebelum merdeka untuk menangani kesalahan menghasut. "Menghasut" ditafsirkan sebagai, 'apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut'. Peruntukan dalam seksyen 3 (1) seterusnya menjelaskan: "Sesuai "kecenderungan menghasut" ialah kecenderungan -

- (a) Bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau kerajaan."
- (b) Bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- (c) Bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- (d) Bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (e) Bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (f) Bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan yang dinyatakan boleh dihukum di bawah seksyen 4, akta yang sama iaitu, bagi kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

#### **iv) Kanun Keseksaan**

Kesalahan memfitnah dan menghasut juga diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan. Seksyen 499 Kanun Keseksaan menyebut mentohmah (memfitnah) sebagai 'Barangsiapa samada dengan perkataan yang dituturkan atau yang dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat atau dengan pernyataan zahir, membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan mengenai mana mana orang, dengan maksud hendak merosakkan, atau dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan nama baik orang itu, adalah dikatakan kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, memfitnahkan orang itu.'

Melalui peruntukan Seksyen 499 Kanun Keseksaan ini juga menyebut bahawa kenyataan yang memfitnah tersebut boleh dalam pelbagai bentuk samada dengan perkataan yang dituturkan atau yang dimaksudkan untuk dibaca, isyarat atau suatu pernyataan zahir mengenai mana mana orang jika ianya dibuat atau disiarkan bagi maksud hendak merosakkan atau dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa ianya boleh merosakkan nama baik orang tersebut. Seksyen 501 Kanun Keseksaan selanjutnya memperuntukkan mengenai fitnah yang dilakukan melalui cara cetakan atau ukiran. Lantas, jika fitnah dilakukan melalui mana mana media sosial juga boleh didakwa di bawah seksyen itu asalkan ia memenuhi semua elemen pembuktian yang diperlukan mahkamah.

Seksyen 298A Kanun Keseksaan selanjutnya memperuntukkan sesiapa sahaja melalui perkataan sama ada secara ucapan atau bertulis, atau apa-apa aktiviti atau perbuatan, termasuk penganjuran atau promosi atau apa jua bentuk aktiviti atau sebarang percubaan untuk menganjurkan atau promosi atau aktiviti berkaitan agama yang boleh menimbulkan keadaan tidak harmoni atau perpecahan atau boleh menimbulkan perasaan permusuhan atau kebencian atau prejudis antara individu atau kumpulan agama yang sama atau berlainan agama boleh dihukum penjara tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi lima tahun sekiranya sabit kesalahan. Peruntukan berkaitan perkara yang sama turut dinyatakan di dalam Seksyen 505(c), yang antara lain menyebut: "Barang siapa membuat, menerbitkan atau mengedarkan apa-apa kenyataan, khabar angin atau berita dengan niat hendak mengapiakan atau yang mungkin mengapiakan mana-mana golongan atau kaum melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain; Hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

#### **v) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah**

Terdapat beberapa enakmen jenayah syariah secara khusus telah menjelaskan maksud kesalahan menghina agama Islam. Menurut Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) peruntukan undang-undang tersebut adalah selari dengan maksud perbuatan menghina agama Islam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis. Secara umumnya, di bawah enakmen jenayah Syariah, kesalahan menghina agama Islam dihuraikan dan diperincikan seperti berikut:

- a) Menghina atau menyebabkan Islam dipandang hina sama ada secara lisan, tulisan, gambar, lukisan, perkataan yang dapat didengar dan dibaca, isyarat dan perbuatan atau menghina dengan cara apa jua pun.
- b) Mempersenda, mempermain, mengajuk-ajuk, mengolok-olok, mencemuh dan merendahkan amalan, upacara dan istiadat berkaitan Islam, undang-undang berkaitan Islam yang sedang dikuatkuasakan, mazhab yang sah dan muktabar, fatwa dan para pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik.
- c) Menghina, meniru, mempersenda, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan al-Quran dan Hadis serta ayat-ayat berkaitan dengan agama samada melalui kata-kata, perkataan, lisan dan perbuatan atau dengan cara apa jua pun.
- d) Memusnahkan, merosakkan, mencemarkan, membinasakan, meroboh, mengubah, memindahkan surau dan masjid serta apa jua kemudahan yang terdapat padanya dengan tujuan untuk menghina, merendah, mempersenda, mencela dan mengeji agama Islam atau dengan niat atau tujuan apa sekalipun.
- e) Turut dianggap sebagai kesalahan menghina agama adalah dakwaan seseorang Muslim bahawa dia telah keluar dari Islam.

#### **vi) Akta Kesalahan Kecil 1955**

Akta ini menyenaraikan kesalahan–kesalahan kecil seperti menjadi suatu kesalahan jika seseorang mengeluarkan kata-kata yang mencaci dan memberi malu kepada seseorang yang dengan kata-kata itu mungkin akan berlaku pergaduhan sepertimana yang berlaku dalam setiap kempen-kempen pilihanraya yang berlaku..

#### **vii) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**

Akta ini menyenaraikan kesalahan –kesalahan dalam pilihan raya seperti rasuah, peruntukan mengenai petisyen pilihan raya mengenai penubuhan pasukan penguat kuasa, peruntukan berkaitan perlantikan ejen pilihan raya dan bagi mengawal belanja pilihan raya. Akta ini telah digubal pada 1954, dan kemudian disemak semula pada 1969.

### **viii) Undang-Undang Berkaitan Media Cetak Dan Elektronik**

Undang-undang berkaitan pengawalan maklumat yang disediakan oleh media cetak dan elektronik terangkum dalam beberapa buah statut sepertimana berikut;

- a. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589), b. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588),
- b. Akta Jenayah Komputer 1997,
- c. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
- d. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589),
- e. Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998
- f. Akta Jenayah Komputer 1997
- g. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta ini digubal bagi mengawal pengeluaran lesen mesin cetak serta permit penerbitan untuk pelbagai media cetak termasuklah akhbar. Akta ini juga mengandungi garis panduan bagi tujuan untuk mengawal segala kandungan penerbitan supaya tidak mengandungi unsur-unsur negatif seperti menyinggung perasaan orang lain, mengelirukan masyarakat (melalui kenyataan yang tidak benar), memudaratkan keselamatan Negara dan menggugat keharmonian Negara (menyentuh isu perkauman).

### **PERBINCANGAN**

Beberapa undang-undang berkaitan isu 3R yang melibatkan kesalahan jenayah, memfitnah, menghasut, mencetuskan suasana tidak harmoni dalam masyarakat pelbilang kaum dan agama, menghina agama, bangsa dan institusi Raja serta menyalahguna aplikasi media sosial telah digubal dan diwartakan di Malaysia. Namun isu-isu 3R masih dilihat tiada penyelesaiannya. Persoalannya adakah perundangan sedia ada mencukupi atau perlu ditambahbaik? Masyarakat terutamanya ahli politik perlu disedarkan dengan tanggungjawab untuk menghormati agama, bangsa dan institusi raja dengan memberikan kefahaman berkaitan isu 3R ini dan mengenakan tindakan yang sewajarnya melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

Dalam beberapa Perkara yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan, berkaitan agama Islam, keistimewaan bangsa Melayu dan Institusi Raja hanya Perkara 11 sahaja yang boleh dilihat sebagai satu usaha untuk memelihara kesucian agama Islam bilamana undang-undang Negeri dan Persekutuan boleh dibuat bagi menyekat pengembangan agama-agama lain kepada orang-orang Islam. Walaubagaimana perkara berkaitan penghinaan ke atas agama tidak dijelaskan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Begitu juga Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan hak-hak keistimewaan tertentu kepada bangsa Melayu dan institusi Raja tanpa menjelaskan perkara-perkara yang boleh membawa kepada fitnah, hasutan dan penghinaan kepada institusi tersebut. Keadaan ini boleh

membuka ruang yang sangat luas kepada masyarakat berbilang bangsa di Malaysia untuk membicarakan hal agama, bangsa dan institusi Raja sewenang-wenangnya atas alasan kebebasan bersuara. Sedangkan kebebasan bersuara yang dinyatakan di bawah Perlembagaan adalah tertakluk kepada beberapa sekatan menurut undang-undang.

Akta Hasutan 1948 digubal khusus untuk menghalang sebarang perbuatan dan tindakan yang boleh ditakrifkan sebagai mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap mana mana pihak termasuk hal yang berkaitan agama. Menurut Seksyen 2 akta menyebut tafsiran ‘menghasut’ sebagai apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut. Tafsiran ini sangat luas. Sungguhpun begitu, kenyataan yang boleh menjadi hasutan tidak diperuntukkan secara jelas melalui kedua-tiga undang-undang bertulis tersebut. Akibatnya, masyarakat sekali lagi boleh menafsirkan maksud menghasut sewenang-wenangnya.

Begitu juga di bawah Akta Fitnah 1957, kesalahan menghina agama Islam, bangsa dan juga raja boleh tergolong dalam kesalahan memfitnah jika didapati kenyataan tersebut adalah suatu pernyataan yang palsu dan boleh merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam, bangsa Melayu dan Institusi Raja tersebut. Namun begitu pilihan tindakan untuk mendakwa pihak yang memfitnah di bawah undang-undang jenayah melalui Kanun Keseksaan memperlihatkan bahawa Akta Fitnah 1957 ini seolah-olah menjadi tidak signifikan. Manakala membuktikan kesalahan memfitnah dan menghasut menurut undang-undang jenayah pula memerlukan proses yang lama dan boleh melibatkan kos yang sangat banyak dan dilihat sebagai tidak sesuai dalam menyelesaikan isu-isu yang melibatkan politik dan pilihanraya yang perlu diselesaikan dengan segera.

Sungguhpun Akta Kesalahan –kesalahan Pilihanraya 1954 menyenaraikan kesalahan-kesalahan berkaitan pilihan raya namun kesalahan menghasut, memfitnah, menyebabkan suasana tidak harmoni dalam berkempen tidak disenaraikan.

Begitu juga kesalahan menghina agama Islam jelas diperuntukkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah setiap negeri di Malaysia, hukuman kesalahan ini hanya boleh dikenakan kepada orang Islam sahaja kerana Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah tidak terpakai kepada orang bukan Islam. Akibatnya bagi pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli politik *Non Muslim* mereka akan terlepas daripada dikenakan tindakan. Undang-Undang Berkaitan Media Cetak Dan Elektronik pula tidak dikemaskini terutamanya dalam mengawal berita-berita palsu, fitnah dan hasutan yang berlaku dalam media penyampaian maklumat kepada masyarakat ini.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Secara kesimpulannya kewujudan undang-undang sedia ada dilihat sebagai belum mencukupi bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan 3R dan perlu dinilai semula. Penulis melakarkan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu-isu sensitif berkaitan 3R yang sering diperkatakan dalam arena politik Malaysia melalui undang-undang yang wujud dengan Cadangan-cadangan berikut:



i. Menyemak dan Menambahbaik peruntukan sedia ada

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu dipinda dengan menambahbaik peruntukan sedia ada untuk menangani berkaitan isu-isu 3R seperti isu memuat naik atau berkongsi sebarang kandungan atau pandangan yang berbau kebencian membabitkan elemen 3R di media sosial dan aplikasi pemesejan. Akta ini juga perlu dikemaskini dengan mengambilkira perkembangan teknologi yang berlaku di media sosial sebagai alat penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Selain itu, peruntukan yang sedia ada perlu memperjelaskan definisi memfitnah dan perbuatan-perbuatan yang di anggap sebagai fitnah di bawah Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan. Kedua-dua statut ini juga perlu dipinda dengan memperincikan unsur-unsur fitnah dan pembuktian yang boleh berlaku di alam siber dengan penggunaan teknologi terkini. Di samping itu, perbuatan-perbuatan yang di anggap menghasut di dalam Akta Hasutan 1948 perlu diperincikan dengan lebih jelas. Pembuktian Isu-isu 3R yang berlaku dalam suasana politik dilihat sebagai tidak sesuai untuk dikategorikan sebagai satu perbuatan jenayah di bawah Akta ini kerana melibatkan proses undang-undang yang agak lama.

Peruntukan-peruntukan baru perlu diadakan dengan memberikan kuasa yang lebih kepada pihak kerajaan untuk campurtangan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589) terutamanya dalam mengawal berita-berita palsu, fitnah dan hasutan di semua media penyampaian maklumat kepada masyarakat. Pemindaan Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan Perkara-perkara yang di anggap sebagai perbuatan menghina agama, bangsa dan Raja. Umpamanya sebagai contoh penghinaan terhadap institusi Raja ialah penggunaan bahasa yang tidak sopan, menyebarkan maklumat palsu, memperkecil-kecilkan arahan dan perintah raja, mengkritik mana-mana raja dan Sultan di media sosial, menyebarkan maklumat palsu dan seumpamanya juga merupakan satu keperluan yang mendesak.

ii. Menguatkuasakan Undang-Undang

Undang-undang sedia ada perlulah dikuatkuasakan dengan lebih baik. Menurut Muhammad Syaher, et.al. (2022), undang-undang yang dikenakan terhadap mereka yang menggugat perpaduan amat rendah. Hal ini membuatkan mereka bertambah berani dan bermaharajalela dalam membuat sebarang tindakan kerana bagi mereka denda yang dikenakan dapat diselesaikan dengan mudah dan tidak terbeban dengan mana-mana enakmen yang boleh dijatuhkan hukuman berat lalu merosakkan kerjaya hidup mereka.

Pihak yang terlibat dengan penguatkuasaan tersebut perlu menjelaskan prosedur bagi membawa tindakan terhadap pihak yang melakukan kesalahan. Di samping itu juga masyarakat perlu diberikan penerangan berkaitan kesalahan-kesalahan 3R yang boleh dikenakan tindakan. Sesungguhnya undang-undang untuk menangani isu berkaitan bangsa, agama, dan Institusi raja (3R) sudah mencukupi namun keperluan yang wujud adalah agar pelaksanaannya dikuatkuasakan dengan lebih baik dan teratur.

iii. Menggubal undang-undang atau peraturan baru

Sekiranya perlu, undang-undang baru juga boleh digubal sesuai dengan keadaan masyarakat berbilang kaum bagi mengatasi masalah yang berbangkit antara kaum seperti menggubal Akta Negara Bangsa mirip Akta Keharmonian Kaum (Berita Harian Online, bertarikh 13 Julai 2023). Namun begitu undang-undang baru yang digubal ini perlu mengkategorikan kesalahan-kesalahan 3 R yang dilakukan dalam suasana politik sebagai kesalahan sivil bukannya jenayah dengan mengambilkira proses dan pembuktiannya yang tidak sukar sepertimana dalam kes jenayah.

Penyediaan garis panduan dan peraturan-peraturan yang lengkap juga perlu dalam berpolitik dan berkempen. Perlu ada garis panduan yang harus dipatuhi oleh parti-parti, calon calon dan pemimpin yang bertanding. Memandangkan isu-isu 3R sering dikaitkan dengan suasana politik Negara, adalah dicadangkan Akta Kesalahan –kesalahan Pilihanraya 1954 atau Akta Kesalahan Kecil 1955 diperhalusi dengan memasukkan kesalahan-kesalahan berkaitan 3R dalam kempen-kempen politik ini.

## **KESIMPULAN**

Kenyataan-kenyataan membabitkan isu sensitif berkaitan 3R sering kali dibangkitkan dan timbul terutamanya menjelang musim pilihan raya. Kenyataan-kenyataan ini boleh mengganggu gugat keharmonian kehidupan bermasyarakat di Malaysia dan di anggap sebagai melampaui batas dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Selagi mana perbincangan mengenai agama, bangsa dan institusi Diraja dilakukan secara ilmiah, dengan berhujah dan berdebat dengan sihat dan terbuka tanpa adanya apa-apa unsur provokasi, hasutan dan keganasan, ianya adalah dibenarkan oleh undang-undang, Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan juga jelas mengiktiraf kebebasan bersuara kepada seluruh rakyat Malaysia. Namun begitu hak itu perlulah dilaksanakan menurut peruntukan yang ditetapkan oleh undang undang.

## **RUJUKAN**

- Amri Marzali. 2021. Isu Ketuanan Melayu Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, Jilid 32(2), 2021: 1-16
- Aziz, B. (2008). *Perlembagaan Malaysia Asas-Asas Dan Masalah*. . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan. 2020. “Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara.” *Journal of Law & Governance* 3, no. 1 (2020), 138-140  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1125860/kabinet-bincang-akta-baharu-tangani-isu-3r>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146413/tun-m-disiasat-kes-kenyataan-berunsur-hina-institusi-diraja-bukit>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1007337/fitnah-ceramah-politik-di-masjid>

- fahmi-saman-papagomo-ahmad-dusuki-mohd  
<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/sepanduk-ini-tanah-melayu-wan-saiful-nafi-pn-dalang-bahan-kempen-berbaur-perkauman-provokasi/>  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126051/kenyataan-sanusi-berkaitan-sultan-selangor-disifatkan-melampau>  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124435/polis-siasat-guan-eng>  
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2022). Jangan Hina Islam dan Nabi Muhammad SAW. Khutbah Jumaat 2 September 2022
- Hashim, H., Ghulam Khan, I. N., A. Shukor, H. & Yusof, N. 2021. Hukuman Bagi Kesalahan Penghinaan Ke Atas Rasulullah Saw Menurut Undang-Undang Jenayah Islam Dan Undang-Undang Di Malaysia. E-Proceedings of The International Conference on Da'wah and Islamic Management (IC-DAIM 2021), Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. Hlm. 58-72
- Mohd Anuar Ramli, Zulkepli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak , Mohd Naqib Hamdan, Syamsul Azizul Marinsah. 2018. Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (Pru14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan. Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kenegaraan Dan Isu Kontemporari. Akademi Pengajian Islam, UM. Kuala Lumpur
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin . 2012. Prinsip Hubungan Sosial Bagi Menangani Konflik Dalam Masyarakat Malaysia Berteraskan Islam, Jurnal Peradaban, 5, 49-71
- Mohamad Azri, & Mohd Al Adib. (2017). Analisis Matan Undang-undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malaysia. Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1). <http://www.ukm.my/jcil>
- Muhamad Faisal Ashaari, Siti Nazifatulhayat Yusoff, & Siti Maimunah Kahal. 2015. Topik Serangan Cyberterror Anti Islam Dalam Facebook “Murtads From Malaysia and Singapore.” Al Qanatir International Journal of Islamic Studies, 2(2), 1–12
- Muhammad Syaher<sup>1</sup>, Syamirul Muhaimin<sup>1</sup>, Aqil Ikhwan<sup>1</sup> , Ahmad Izzuddin<sup>1</sup>, Deeva Haren A/L Pannirselvam. 2022. Sentimen Perkauman dalam kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum. Human Sustainability Procedia Vol. 3No. 1 (2022) 71-84
- Nur Azah Razali<sup>1</sup>, Asbah Razali<sup>2</sup>, Mohd Syarieffudin Abdullah. 2021. Isu-isu Survival Melayu Pasca Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008). Advances in Humanities and Contemporary Studies. Vol. 2 No. 2(2021) 178-188.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Nur Syariah Muhammad Shah. 2020. Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang. International Journal of Islamic Thought, Vol. 18: (Dec.) 2020, 95-109
- Raja Nazrin Shah, 2013. Perlembagaan dan Islam: Peranan institusi Raja. Titah DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Seminar Institusi Raja. Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Roslizawati Mohd Ramly, Marina Munira Abd Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Mohd Razali, Nurhafizah Mohd Shukor, Mohd Rosmizi Abd Rahman, Eizan Azira Mat Sharif, Muhamad Zaki Mustafa, Izzudin Mohd Haris. 2021. Memahami Aspek Penghinaan Terhadap Agama Islam Di Malaysia. The International Conference On

- Da'wah And Islamic Management, 2021 (Ic-Daim 2021). Penerbit USIM
- Rukun Negara Malaysia. 2008. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Keseniaan Dan Warisan Malaysia. Kuala Lumpur
- Syahira Omar, Wan Amizah Wan Mahmud. 2017. Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian. *Jurnal Wacana Sarjana* Jilid (1) Dis 2017: 1: 1
- Shamrahayu A Aziz, Demokrasi, Pilihan raya dan Tanggungjawab Warganegara, Berita Harian. April 18, 2018. [Atas talian].  
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/04/417961/demokrasi-pilihan-raya-dan-tanggungjawab-warganegara> (Capaian Oktober 24, 2023)
- Syed Abdul Rahman, S. M. H., Ramli, M. A. ., Sa'ari, C. Z. ., Norman, A. A. ., Mamat, M. A. & Mohd Azhar, M. H. 2022. Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 69–92. Retrieved from <http://ajba.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/37643>
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 2017. Sensitiviti Agama dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum di Malaysia. Kertas kerja Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 7-8 October
- Zuliyus, F. R., & Pitchan, M. A. 2020. Faktor Boleh Berlakunya Kes Penghinaan Agama di Indonesia. 4(September), 1–5

### **Rujukan Statut**

Akta Fitnah 1957

Akta Hasutan 1948

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Akta Kesalahan Kecil 1955

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998

Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

Perlembagaan Persekutuan

### **Rujukan kes**

Mohamed Apandi Ali lwn. Lim Kit Siang (2022) 5 MLRH 611